

1514MST 29 11 84
R B139 DEB
GURU - MAHATHIR

1984

ALDR SETAR, 29 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP GURU-GURU MELAYU AKAN SENTIASA MELUASKAN PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN UNTUK TERUS MEMBERI BIMBINGAN DAN KEPIMPINAN KEPADA MASYARAKAT.

KATANYA, GURU-GURU MELAYU MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERPENGARUH DAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DI KALANGAN MASYARAKAT LUAR BANDAR SEBELUM NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN RALAM PERUTUSAN BUKU CENDERAMATA SEMPENAPERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KESEMBILAN KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) YANG AKAN BERLANGSUNG DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, DITANJUNG PAUH DEKAT SINI FROK.

KATANYA, DI SAMPING BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN, PARA GURU JUGA TELAH MEMBERI KEPIMPINAN DALAM PELBAGAI BIDANG DAN SUMBANGAN ITU AMAT DIHARGAI.

BELIAU MENAMBAHKATA, MELALUI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN YANG LUAS, GURU-GURU AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI SUMBANGAN UNTUK KEMAJUAN PELAJARAN PARA PELAJAR DI NEGARA INI.

MENTERI PELAJARAN, DATUK ABDUL AHMAD BADAWI DALAM PERUTUSAN YANG SAMAMENSIFATKAN PARA GURU SEBAGAI PENGGERAK UTAMA MEMBANTU USAHA PEMBANGUNAN NEGARA DAN MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN.

BELIAU BERHARAP GURU-GURU AKAN BERPEGANG KEPADA KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN SUPAYA NEGARA DAPAT MENGELUARKAN PARA PELAJAR DAN PEMIMPIN YANG BENAR-BENAR BERGUNA KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. -- BERNAMA

1505MST 29 11 84